

BAS-ANGKASA

1980

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BERNAMA) — KERAJAAN SEDANG PERSUNGGUH-SUNGGUH MENIMBANG KEMUNGKINAN MELAKSANAKAN SISTEM PENGANGKUTAN AWAM IKUT JALAN ATAS UNTUK MENGATASI KESESAKAN LALULINTAS JALANRAYA DI LEMBAH KELANG, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SATU KAJIAN KESESUAIAN TENTANG PENGGUNAAN +PAS-ANGKASA+ CIPTAAN SWITZERLAND SEDANG DIJALANKAN, DEMIKIAN BELIAU MEMBERITAHU SATU SIDANG AKHBAR DI SINI.

+BAS-ANGKASA+ ITU BERGERAK SECARA BERGANTUNG KEPADA KABEL-KABEL BERPASANGAN.

BARU-BARU INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR SENDIRI TELAH MEMBAWA SEORANG JURUTERA SYARIKAT SWITZERLAND YANG TERLIBAT MEMBUAT TINJAUAN UDARA DENGAN HELIKOPTER UNTUK MELIHAT KEADAAN LALULINTAS DI IBU NEGARA.

+KAMI SEDANG MENUNGGU HASIL KAJIAN KESESUAIAN ITU,+ KATANYA.

+KITA MEMERLUKAN SUATU SISTEM YANG MURAH,+

+KITA MEMANG TIDAK MAMPU MENGADAKAN SISTEM PENGANGKUTAN AWAM BAWAH TANAH SEPERTI SISTEM METRO HONG KONG YANG MENELAN BELANJA \$1 JUTA SEBATU.

+JIKA PAS ANGKASA DIDAPATI SESUAI, IA AKAN MENGATASI SEBAHAGIAN DARI MASALAH PENGANGKUTAN ORANG RAMAI DI LEMBAH KELANG,+ --
BERNAMA 1718/ZCM